

Bantuan musim sejuk di Syria

JORDAN adalah negara ketiga terbesar kemasukan pelarian Syria untuk menyelamatkan diri daripada menjadi mangsa perang yang masih tidak berkesudahan.

Lapan mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) berkumpul nekad membantu pelarian Syria di Jordan pada 7 hingga 10 November lalu menerusi Misi Kemanusiaan: Jelajah Mahasiswa Di bumi Jordan di bawah Global Islamic Student Outreach (Giso). Usim juga bekerjasama dengan Badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Muslim Care Malaysia yang turut menjalankan misi bantuan musim sejuk.

Program ini julung kali dianjurkan oleh mahasiswa Usim dengan membawa hasrat keberadaan mahasiswa itu juga mampu membantu mengangkat martabat mereka yang teraniaya dalam kesusahan.

Menurut pengarah program, Muhammad Miqdam Mohd Rashid, 22, program ini bermatlamat memanifestasikan peranan mahasiswa sebagai agen perubahan yang mampu bersuara dan mengangkat nilai kemanusiaan dan memartabatkan maruah agama dan ummah di peringkat antarabangsa.

"Insyallah kami akan terus konsisten dengan agenda pembangunan ummah walau di mana berada," katanya.

Misi ini turut disertai pengarah dan penerbit terkenal Afdlin Shauki, Aziz M



Osman, pendakwah bebas Syed Abdul Kadir Aljoofre dan bekas anggota kumpulan nasyid Unic, Ahmad Fadzi Abd Aziz.

Misi kemanusiaan ini disertai dengan aktiviti pengagihan sumbangan musim sejuk dan keperluan harian kepada keluarga angkat pelarian Syria, sesi beli-belah baju sejuk bersama kanak-kanak Syria, lawatan dan pengagihan di Kem Pelarian Dafina, Mafraq dan sesi pembelajaran santai bersama kanak-kanak Syria.

Setiausaha program, Najihah Yaakob, 22, berkata program ini telah mencapai objektifnya kerana telah membuka mata dan hati peserta.

"Runtun hati melihat pelarian. Suasana serba kekurangan, berlantakan tanah lumpur, berbumbungan khemah dan berdingkan kanvas nipis adalah begitu sukar menghadapi musim sejuk," katanya hiba.